

NO. SOALAN: 42

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH : 7 OKTOBER 2014

RUJUKAN : 7107

SOALAN:

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status siasatan Laporan Polis PUDU/004003/14 dan mengapa Ketua Pemuda UMNO Wilayah Persekutuan yang mengugut untuk membakar Ibu Pejabat DAP, Razlan Rafii, belum lagi disabit walaupun bukti terhadapnya telah dikemukakan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

PDRM telah menjalankan siasatan berhubung dengan laporan polis Pudu Repot 4003/2014 di bawah Seksyen 506 Kanun Keseksaan kerana sekumpulan ahli Pemuda UMNO Wilayah Persekutuan mengugut membakar Pejabat DAP Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur semasa berhimpun di luar Pejabat DAP.

Kejadian berlaku semasa sekumpulan ahli Pemuda UMNO membuat bantahan di hadapan Pejabat DAP Wilayah Persekutuan. Bantahan tersebut dibuat disebabkan rasa tidak puas hati ahli UMNO kerana perbuatan ADUN RSN Rayers telah mengeluarkan kenyataan UMNO CELAKA semasa DUN Pulau Pinang bersidang.

Kertas Siasatan telah lengkap dan telah diedarkan ke Pejabat Peguam Negara pada 17 September 2014 dan telah memutuskan kes *No Futher Action* (NFA). Siasatan diteruskan bagi kesalahan di bawah Seksyen 9 (5) Akta Perhimpunan Aman kerana berhimpun tanpa kebenaran atau notis.